



15 APR, 2023

Fama tambah 10 lagi outlet Jualan Khas Syawal Madani

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Fama tambah 10 lagi outlet Jualan Khas Syawal Madani

Batu Pahat: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) bersetuju menambah 10 lagi outlet pasar tani di seluruh negara bagi melaksanakan Jualan Khas Syawal Madani bermula hari ini.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ini sebagai tambahan kepada 103 outlet yang diumumkan sebelum ini susulan permintaan ramai.

Beliau berkata, ia juga dibuat selepas pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu KPKM memastikan bekalan barangan mencukupi bagi Ramadan dan Syawal ini.

"Fama juga cuba cukupkan barang (keperluan) termasuk ikan, sayur, minyak masak dan barangan utama lain," katanya selepas majlis penyerahan bantuan banjir kepada golongan petani dalam kawasan Parlimen Sri Gading di sini, malam kelmarin.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, kementerian dan Fama juga memastikan 30 barangan di bawah Skim Harga Maksimum Mustim Perayaan (SHMMP) mencukupi buat pengguna.

Sebelum ini, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Fama Abdul Rashid Bahri berkata, semua pasar tani berkenaan memfokuskan kepada jualan barangan keperluan Aidilfitri.



MOHAMAD (dua dari kiri) menyampaikan bantuan banjir kepada golongan petani yang terjejas di kawasan Parlimen Sri Gading.



15 APR, 2023

Fama tambah 10 lagi outlet Jualan Khas Syawal Madani

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Batu Pahat: Kem en t er i a n Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) bersetuju menambah 10 lagi outl et pasar tani di seluruh negara bagi melaksanakan Jualan Khas Syawal Madani bermula hari ini. Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ini sebagai tambahan kepada 103 outl et yang diumumkan sebelum ini susulan permintaan ramai.